

SOALAN NO. : 14

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 24 OKTOBER 2016

NO. RUJUKAN : DR005

SOALAN :

YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan dasar yang mengkehendaki semua kawasan simpanan hutan dan taman perhutanan diletakkan di bawah satu Kementerian, demi memudahkan pelaksanaan dasar penyelenggaraan hutan. Apakah sebab Taman Botani Negara di Shah Alam dan Bukit Kiara tidak diletakkan di bawah Kementerian yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Peranan Kerajaan Persekutuan hanya dalam hal-ehwal berkaitan latihan, kajian serta nasihat teknikal yang mana ianya di pertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi tujuan pelaksanaannya.

Pengurusan Hutan Simpanan Kekal (HSK) hutan di Semenanjung dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan mengikut peruntukan dan peraturan yang terkandung dalam Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Enakmen Negeri yang berkaitan serta Kaedah-Kaedah Hutan dan Peraturan-Peraturan Hutan yang sedang berkuat kuasa. Penubuhan HSK ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Bagi menyelaraskan pendekatan secara bersepadu dan pelaksanaan dasar *cross-sectoral* dalam sektor perhutanan, Majlis Tanah Negara telah ditubuhkan sebagai satu platform rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membincangkan mengenai dasar dan perundangan untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi perkara-perkara berkaitan pentadbiran tanah, isu-isu perlombongan dan perhutanan.

Tuan Yang di-Pertua,

Taman Botani Negara di Shah Alam dan Bukit Kiara tidak diletakkan di bawah Kementerian yang sama. Ini adalah kerana Taman Botani Negara Shah Alam dengan keluasan 100 hektar merupakan sebahagian daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal Bukit Cherakah Tambahan yang telah diwartakan di bawah Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara (APN) 1984. Kawasan ini telah diluluskan secara Permit Penggunaan oleh Pihak Berkuasa Negeri Selangor dan diurus oleh Kementerian Pertanian Malaysia.

Manakala kawasan hutan di Bukit Kiara adalah kawasan berhutan milik Yayasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di atas Lot PT 9244 HSD dan ianya di bawah seliaan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Terima kasih.